

# Perarakan Citrawarna Malaysia 2,000 tetamu asing dijemput

BH 10 MAY 2000

Oleh Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Isnin — Kira-kira 2,000 tetamu dari beberapa negara diundang bagi menyaksikan perarakan terbesar Citrawarna Malaysia kedua yang akan diadakan di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad di sini pada 27 Mei ini.

Kumpulan itu termasuk pelancong, pemilik agensi pelancongan dan media dari pelbagai negara termasuk United Kingdom, Jerman, Holland dan Itali.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, tiket penerbangan tetamu itu ditaja oleh beberapa syarikat penerbangan termasuk Penerbangan Malaysia (MAS), British Airways, Emirates Airlines dan All Nippon Airways.

"Kita berharap beberapa hotel akan menaja kemudahan penginapan mereka bagi membantu mempromosi

perarakan ini di luar negara melalui penulisan dan pakej pelancongan yang akan dibuat oleh tetamu kita," katanya pada sidang akhbar mengenai Perayaan Bulan Citrawarna Malaysia di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata, kerjasama berkenaan akan mengurangkan kos kira-kira RM10 juta bagi perbelanjaan membawa tetamu itu ke Malaysia.

Bulan Citrawarna Malaysia bertujuan mempamerkan kekayaan dan keindahan budaya serta adat istiadat pelbagai kaum di Malaysia, berteraskan kegiatan kesenian dan kebudayaan, seni kraf dan tampak, makanan serta pakaian.

Ia akan disambut selama sebulan di seluruh negara bermula dengan pelancaran Perarakan Citrawarna Malaysia yang akan dilakukan Yang di-Pertuan Agong pada 27 Mei ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua ahli kabinet, turut dijangka hadir.

Perarakan kesenian terbesar itu melibatkan kira-kira 4,000 peserta dari 17 kaum dan etnik di Malaysia yang akan mempamerkan persembahan masing-masing.

Perarakan itu membabitkan laluan sepanjang 1.5 kilometer bermula di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad melalui Jalan Raja Laut hingga ke Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata, promosi Citrawarna Malaysia turut diadakan di hotel di seluruh negara bagi menarik lebih ramai pelancong asing menyaksikan kekayaan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Ini, katanya, selaras dengan Kempen Pelancongan Antarabangsa kementerian yang giat dijalankan iaitu

'Malaysia Truly Asia'.

Abdul Kadir berkata, pelaksanaan bulan Citrawarna Malaysia adalah selaras dengan sasaran kerajaan bagi mewujudkan kamival sepanjang tahun di Malaysia untuk menarik lebih lapan juta pelancong sehingga akhir tahun ini.

Di samping itu, Abdul Kadir berkata, 90 acara berbentuk kebudayaan dan kesenian akan diadakan di seluruh Malaysia dalam tempoh berkenaan.

Antaranya, kegiatan Seni-man Jalanan, Festival Musik Malaysia, Persembahan Kebudayaan Warna Malaysia, Festival Gendang Antarabangsa dan Busana Malaysia di Istana Negara.

Persembahan lain termasuk persembahan kebudayaan setiap Selasa dan Sabtu di kawasan satelit dan Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).